

Kenaikan gaji iktiraf peranan khidmat awam

Kuala Lumpur: CUEPACS menyifatkan, kenaikan gaji penjawat awam sebagai penghargaan dan pengiktirafan besar kerajaan terhadap peranan serta sumbangan perkhidmatan awam yang cekap dan berintegriti.

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat, berkata penjawat awam perlu menguruskan peningkatan pendapatan secara berhemah dan berdisiplin, dengan mengutamakan keperluan asas isi rumah serta perancangan kewangan jangka panjang.

“Kenaikan pendapatan seharusnya tidak mendorong kepada perbelanjaan berlebihan yang akhirnya memberi tekanan ke-

wangan kepada individu dan keluarga.

“CUEPACS turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan MADANI atas komitmen berterusan dalam menjaga kebajikan penjawat awam, termasuk pelaksanaan kenaikan gaji fasa kedua sebanyak 7 peratus bermula Januari ini.

“Langkah ini membuktikan kesungguhan kerajaan dalam memastikan kesejahteraan penjawat awam seiring tanggungjawab fiskal negara,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berharap agar penjawat awam akan terus meningkatkan

prestasi kerja, memperkukuh integriti, mempertingkatkan produktiviti serta memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

“CUEPACS menyeru seluruh warga perkhidmatan awam terus menzahirkan kesetiaan kepada Kerajaan MADANI, menyokong agenda reformasi perkhidmatan awam, serta memainkan peranan aktif dalam membina negara yang lebih mampan, adil dan sejahtera.

“CUEPACS percaya penjawat awam yang sejahtera, beretika dan berdisiplin akan menjadi tunjang kepada kejayaan dasar-dasar kerajaan dan kesejah-

teraan rakyat keseluruhannya,” katanya.

Terdahulu ketika berucap di Majlis Perhimpunan Bulanan dan Amanat Tahun 2026 Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, keputusan menaikkan gaji penjawat awam termasuk hakim, bukan atas desakan mereka, sebaliknya dibuat kerana ada keperluan selepas kali terakhir kenaikan itu berlaku lebih 10 tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, tanggungjawab penjawat awam juga sudah bertambah dan gaji yang diterima hanya sekadar memenuhi keperluan keluarga.